

Apa Yang Anda Boleh Lakukan

1. **Pelajari tanda-tandanya.** Pesan Kad Penunjuk kami, dalam bentuk kad bersaiz dompet dalam 17 bahasa yang menyenaraikan tanda-tanda utama. Anda boleh mengedarkan kad ini di kawasan setempat anda. Kami juga telah membangunkan Kad Penunjuk yang disesuaikan bagi pembekal khidmat kecemasan dan penjagaan kesihatan. Ketahui lebih lanjut di: www.dhs.gov/Bluecampaign.

2. **Laporkan tip.** Jika anda menemui seseorang yang anda rasa adalah mangsa perdagangan haram manusia, atau jika anda penguat kuasa undang-undang dan mahu menghubungi HSI di kawasan anda, **hubungi Talian Tip HSI :**

- **Telefon (866) 347-2423** (bebas tol dari A.S & Kanada)
- **Telefon (802) 872-6199** (bukan bebas tol dari mana jua pun di dunia)
- Atau, laporkan tip atas talian di www.ice.gov/tips (dari mana sahaja di internet)

Pakar penguat kuasa undang-undang yang sangat terlatih sedia ada, 24 jam sehari 7 hari seminggu, untuk menerima tip-tip perdagangan haram manusia dan menyampaikan petunjuk yang diperoleh kepada penyiasat perdagangan haram manusia yang sedang bertugas di seluruh negara dan dunia. Tip-tip tanpa nama boleh dilaporkan melalui borang atas talian dan melalui Talian Tip bebas tol.

Telefon Pusat Sumber Perdagangan Haram Manusia Kebangsaan (NHTRC) di 1-888-373-7888 untuk:

- Memberi maklumat mengenai potensi kegiatan perdagangan haram manusia; atau
- Ketahui lebih lanjut dengan meminta latihan, bantuan teknikal, atau sumber.

NHTRC merupakan talian penting bebas tol kebangsaan yang bersedia untuk menjawab panggilan dari mana sahaja di dalam negara, 24 jam sehari, 7 hari seminggu, setiap hari dalam setahun. NHTRC bukanlah penguat kuasa undang-undang atau pihak berkuasa imigresen dan ianya dikendalikan oleh pertubuhan bukan kerajaan.

3. **Ketahui Penyiasatan Keselamatan Tanah Air (HSI) di kawasan anda.** Hubungi Talian Tip HSI untuk menghubungi Ejen Khas HSI dan Pakar Bantuan Mangsa yang bekerja dalam bidang perdagangan haram manusia di kawasan anda dan bina hubungan dengan mereka, meskipun anda masih belum ada kes yang boleh disiasat secara bersama. Bekerjasama untuk membangunkan petunjuk dan kongsi maklumat kes dan perisikan.

4. **Kenali pasukan petugas di kawasan anda.** Pasukan Petugas Perdagangan Haram Manusia terdiri daripada penguatkuasa undang-undang dan pendakwa persekutuan, negeri, setempat, daerah, dan puak, serta NGO yang menyediakan perkhidmatan mangsa. Ketahui sama ada terdapat Pasukan Petugas Perdagangan Haram Manusia di kawasan anda dengan mengunjungi www.bja.gov. Jika ada, bina hubungan dan libatkan diri anda dengan usaha yang dijalankan.

5. **Didik diri anda dan rakan sekerja anda.** Jika anda seorang penguatkuasa undang-undang, latihan interaktif berasaskan komputer kami yang diberikan secara percuma menerokai pelbagai strategi menemu bual dan penyiasatan yang berbeza yang boleh membantu anda supaya lebih berkesan. Pergi ke: www.fletc.gov/training/programs/human-trafficking-training-program. Jika anda petugas kecemasan atau penjaga kesihatan profesional, sertai latihan am atas talian kami yang interaktif dan tonton video petugas kecemasan kami. Pergi ke: www.dhs.gov/Bluecampaign.

6. **Kunjungi laman web Blue Campaign.** Untuk mendapatkan lebih banyak latihan, bahan-bahan temu seru, bahan bantuan mangsa, dan maklumat mengenai cara anda boleh menyertai perjuangan untuk membanteras perdagangan haram manusia, pergi ke: www.dhs.gov/Bluecampaign. "Sukai" kami di Facebook: www.facebook.com/bluecampaign. Atau, hubungi kami di BlueCampaign@hq.dhs.gov.

APA YANG ANDA BOLEH LAKUKAN?

Kenal pasti mangsa dan laporkan kes penyeludupan manusia yang disyaki

APA YANG BOLEH SAYA LAKUKAN?

Mengenal pasti mangsa dan melapor kes perdagangan haram manusia yang disyaki

Mangsa Dapat Dilihat Dengan Jelas

Anda mungkin menemui mangsa penyeludupan mangsa yang berpotensi sewaktu anda sedang bertugas. Mangsa perdagangan haram manusia terdapat dalam komuniti kita. Penguatkuasa undang-undang mungkin menemui mangsa sewaktu panggilan gangguan domestik; apabila bertindak terhadap insiden di rumah urut, bar, dan kelab tarian bogel; atau juga sewaktu penahanan trafik biasa. Petugas kecemasan dan penjaga kesihatan profesional mungkin dapat mengesan tanda-tanda sewaktu memberi bantuan kecemasan atau merawat pesakit di hospital atau pejabat doktor. Pemeriksa kesihatan dan keselamatan mungkin akan menemui mangsa yang bekerja di restoran, kilang atau tapak pembinaan, atau ladang.

Mangsa perdagangan haram boleh jadi sebarang usia, kaum, jantina, atau warga negara, termasuk warga A.S.

Mereka mungkin atau mungkin tidak mempunyai status imigresen yang sah. Mangsa ditemui dalam kedua-dua sektor pekerja sah dan tidak sah; sesetengah diperdaya dengan janji palsu bayaran yang lumayan bahkan juga kasih sayang. Sering kali, mereka dipaksa atau diugut untuk menjadi pembantu domestik, buruh ladang atau kilang, atau jenis buruh paksa lain, atau seks komersil (pelacuran). Di bawah undang-undang persekutuan, setiap individu di bawah umur yang dipujuk untuk melibatkan diri dalam seks komersil adalah mangsa perdagangan haram manusia.

Bagaimana Pedagang Haram Beroperasi

Pedagang haram mencari mangsa yang tiada atau mempunyai sedikit jaminan sosial. Mereka mencari orang yang lemah berdasarkan beberapa sebab, termasuk kesukaran ekonomi, keganasan di rumah, bencana alam, atau ketidakstabilan politik. Pedagang-pedagang haram menggunakan pelbagai strategi untuk menjerat mangsa, termasuklah melakukan keganasan atau ugutan keganasan, di samping pujukan psikologi. Trauma juga boleh jadi begitu hebat sehinggakan ramai yang tidak menyedari bahawa mereka sebenarnya mangsa atau ingin meminta bantuan, meskipun dalam keadaan yang terdedah pada khalayak awam.

Tanda-tanda Perdagangan Haram Manusia

Mengenal tanda-tanda utama boleh menyelamatkan nyawa. Ini merupakan langkah pertama dalam mengenal pasti mangsa. Bukan semua tanda yang tersenarai di bawah ada dalam setiap situasi perdagangan haram manusia. Kehadiran atau ketiadaan mana-mana penunjuk tidak semestinya bukti perdagangan haram manusia berlaku.

Jika anda penguatkuasa undang-undang, sila hubungi pejabat lapangan Penyelidikan Keselamatan Dalam Negara (HSI) atau Pasukan Petugas perdagangan haram Manusia di kawasan anda untuk bekerjasama dalam sesuatu penyiasatan, atau laporkan sebarang tip. HSI bertanggungjawab untuk menyiasat perdagangan haram manusia dan menangkap pedagang haram. Mungkin terdapat protokol khusus organisasi yang anda harus ikuti untuk memaklumkan penyelia anda dan melibatkan pihak berkuasa setempat yang sewajarnya. Jika anda adalah petugas kecemasan, sila laporkan sebarang tip. Keselamatan anda dan mangsa dipandang amat serius. **Melainkan anda penguat kuasa undang-undang, jangan pada bila-bila masa cuba untuk berhadapan dengan perdagangan haram yang disyaki secara langsung atau memberi amaran kepada mangsa mengenai keraguan anda.**

Petunjuk Pekerja atau Perkhidmatan

- Adakah orang itu diambil bekerja bagi sesuatu tujuan dan dipaksa terlibat dalam pekerjaan lain?
- Adakah gaji orang itu dituntut untuk membayar hutang yang didakwa?
- Adakah orang itu dipaksa melakukan seks? Adakah orang itu di bawah umur yang terlibat dalam seks komersil?
- Adakah orang itu bekerja terlalu lama dan/atau pada waktu yang diluar kebiasaan?
- Adakah orang itu tidak berpakaian dengan secukupnya bagi situasi atau kerja yang mereka lakukan?

Petunjuk Kawalan

- Adakah orang itu menyimpan sendiri dokumen pengenalan dan perjalanannya; jika tidak, siapa yang mengawal dokumen-dokumen ini?
- Adakah orang itu kelihatan seperti dibimbing mengenai apa yang dia perlu perkatakan? Adakah mereka dengan seseorang yang kelihatan seperti mengawal situasi?
- Adakah orang itu atau keluarga mereka diugut dengan kecederaan?
- Adakah orang itu takut, malu atau mudah mengikut kata?
- Pernahkah orang itu diugut dengan penghantaran pulang atau tindakan penguatkuasaan undang-undang?
- Adakah orang itu keliru, takut atau menunjukkan tanda-tanda penderaan mental atau fizikal?
- Bolehkah orang itu menghubungi rakan dan keluarganya dengan bebas?
- Adakah orang itu dibenarkan untuk bersosial secara bebas atau menghadiri majlis keagamaannya?

Petunjuk Keadaan Kehidupan

- Adakah orang itu kekurangan barangan miliknya dan situasi kehidupannya kelihatan tidak stabil?
- Adakah orang itu bebas bergerak? Bolehkah orang itu bebas meninggalkan tempat tinggal mereka? Adakah terdapat langkah kawalan keselamatan yang tidak munasabah?
- Adakah orang itu tidak diberi makanan, air, tidur, penjagaan perubatan atau keperluan hidup yang lain yang secukupnya?

Petunjuk Perjalanan

- Adakah orang itu tahu destinasi? Atau bagaimana mereka akan tiba di situ?
- Adakah orang itu tahu siapa akan bertemu dengannya di destinasi terakhir?
- Adakah kanak-kanak yang melakukan perjalanan dengan seseorang yang tidak kelihatan seperti ibu bapa atau penjaga sebenarnya?

Petunjuk Perubatan

- Adakah orang itu mempunyai parut, kesan lecur, kecacatan atau jangkitan?
- Adakah orang itu ditegah atau disekat daripada memberi sejarah perubatannya?
- Adakah orang itu mengalami kesukaran untuk kencing, sakit pada pelvis, hamil atau trauma rektum?
- Adakah orang itu mengalami masalah belakang, pendengaran, kardiovaskular, atau pernafasan yang kronik?
- Adakah orang itu mempunyai penglihatan yang tidak baik atau masalah mata?
- Adakah orang itu kelihatan seperti tidak cukup makan atau mempunyai masalah gigi yang serius?